

MAHATHIR - APARTEID

I

KUALA LUMPUR, 2 NOV (BERNAMA) -- MALAYSIA AKAN MEMAINKAN PERANAN AKTIF MENENTANG APARTEID DALAM SEMUA FORUM TERMASUK KOMANWEL DAN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN MALAYSIA AKAN TERUS BERTINDAK DAN MENGGESA NEGARA LAIN MENGENAKAN SEBANYAK TEKANAN YANG MUNGKIN TERHADAP KERAJAAN AFRIKA SELATAN BAGI MENGHAPUSKAN APARTEID.

+WALAUPUN ADA YANG MUNGKIN BERFIKIR BAHAWA APA YANG TELAH DILAKUKAN SUDAH MENCUKUPI DAN SUDAH SAMPAI MASANYA DIHENTIKAN SEKATAN TERHADAP AFRIKA SELATAN, TETAPI KAMI SENDIRI BELUM YAKIN,+ KATANYA PADA PERHIMPUNAN UNTUK MENGHORMATI LAWATAN PEJUANG NASIONALIS AFRIKA SELATAN NELSON MANDELA DI STADIUM NEGARA DI SINI.

+BAGAIMANAPUN KAMI TIDAK FIKIR IA MENCUKUPI DAN KAMI MERASAKAN SEKATAN TERHADAP REGIM APARTEID ITU MESTI DITERUSKAN SEHINGGA SEMUA ORANG ITU DIBEBASKAN,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

BELIAU PERCAYA PERPADUAN DAN KERJASAMA ANTARA KAUM YANG WUJUD DI MALAYSIA BOLEH DILAKSANAKAN DI AFRIKA SELATAN. -- LAGI.

1931MST 02 11 90

0882

U B373 AAB

MAHATHIR - APARTEID 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERHARAP SELEPAS APARTEID DIHAPUSKAN, ORANG KULIT HITAM DAN KULIT PUTEH DI AFRIKA SELATAN BERSAMA DENGAN BANGSA LAIN BOLEH MENGUSAHAKAN SATU SISTEM HUBUNGAN YANG AKAN MEMBOLEHKAN MEREKA HIDUP AMAN DAN MENGGUNAKAN SEPENUHNYA SUMBER-SUMBER KEKAYAAN NEGARA UNTUK MENJADI NEGARA YANG PALING BERKUASA DAN KAYA DI BENUA AFRIKA.

PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA TERNANTI-NANTI AKAN HARI APABILA AFRIKA SELATAN YANG BEBAS MENYERTAI KOMANWEL SEBAGAI ANGGOTANYA KE-51.

+KITA SUDAH TENTU BERSEDIA UNTUK MENCADANGKAN AFRIKA SELATAN SEBAGAI ANGGOTA KOMANWEL, DAN BERSAMA-SAMA KITA AKAN MENJADIKAN KOMANWEL LEBIH BERMAKNA,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MALAYSIA TELAH MEMPERJUANGKAN SOAL AFRIKA SELATAN SEJAK ZAMAN PERDANA MENTERI TUNKU ABDUL RAHMAN PADA TAHUN 1961.

+TUNKU ABDUL RAHMAN TELAH BERTENGGAR DENGAN PERDANA MENTERI AFRIKA SELATAN PADA PERSIDANGAN KOMANWEL DI LONDON.+ -- LAGI.

1950MST 02 11 90

0886

U B374 AAB

MAHATHIR - APARTEID 3 KUALA LUMPUR

+AFRIKA SELATAN DISINGKIRKAN DARIPADA KOMANWEL PADA PERSIDANGAN ITU DAN KITA TIDAK KESAL SAMA SEKALI DENGAN PERANAN KITA PADA MASA ITU,+ KATANYA DAN DISAMBUK TEPUKAN ORANG RAMAI.

KATANYA SEJAK ITU, MALAYSIA TELAH MENGENAKAN SEKATAN DAN TIDAK MEMPUNYAI HUBUNGAN DIPLOMATIK ATAU PERDAGANGAN DENGAN AFRIKA SELATAN.

+WALAUPUN KITA TAHU ADA BARANGAN YANG KITA EKSPORT KE NEGARA LAIN DIHANTAR PULA KE AFRIKA SELATAN DAN KITA HILANG BANYAK WANG KERANA SEKATAN ITU TETAPI KITA PERCAYA IA MERUPAKAN PENGORBANAN YANG BERMAKNA DARIPADA KITA,+ TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA PERCAYA APA YANG DILAKUKANNYA BUKAN SAHAJA UNTUK KEBAIKAN ORANG KULIT HITAM AFRIKA SELATAN TETAPI JUGA BAIK UNTUK DEMOKRASI.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENERANGKAN KEPADA ORANG RAMAI BAHAWA ANGGOTA KONGRES KEBANGSAAN AFRIKA (ANC) BUKAN PEMBERONTAK YANG CUBA MENJATUHKAN KERAJAAN TETAPI +MEREKA CUMA BERJUANG UNTUK MENDAPATKAN HAK MEREKA+. -- LAGI.

D902

U B380 AAB
MAHATHIR - APARTEID 4 KUALA LUMPUR

+SAYA RASA PASTI NELSON MANDELA PERCAYA DALAM BENTUK DEMOKRASI ITU. BELIAU TELAH MENYATAKAN DENGAN JELAS BAHAWA ORANG KULIT HITAM AFRIKA SELATAN BUKAN MAHU MENGAMBIL ALIH KERAJAAN DAN MENINDAS MASYARAKAT MINORITI,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI MENYIFATKAN MANDELA SEBAGAI SEORANG NASIONALIS YANG KELUAR DARIPADA TAHANAN SELAMA 27 TAHUN +TANPA PUTUS ASA ATAU MENGALAH+.

+MANDELA BUKAN SEORANG YANG BERSIFAT PERKAUMAN YANG MAHU MENINDAS BANGSA LAIN ATAU SEORANG YANG MAHU MEWUJUDKAN KEKUASAAN KULIT HITAM. BELIAU PERCAYA SETIAP BANGSA DI AFRIKA MEMPUNYAI PERANAN MEREKA SENDIRI.

+BELIAU TIDAK ANTI-KULIT PUTEH KERANA MEREKA BERKULIT PUTEH. BELIAU PERCAYA ORANG KULIT PUTEH BOLEH HIDUP BERSAMA DENGAN ORANG KULIT PUTIH, HITAM, COKLAT, KUNING+.

SEBELUM ITU, ENCIK MANDELA DIBERI SAMBUTAN MERIAH DENGAN PALUAN KOMPANG DAN REBANA UBI.

BELIAU TERSENYUM DAN MELAMBAI-LAMBAIKAN TANGAN KEPADA ORANG RAMAI SEBAIK.SAHAJA NAIK KE PENTAS DAN DIBERI TEPUKAN GEMURUH. ORANG RAMAI JUGA MENGEBAKARKAN BENDERA MALAYSIA DAN ANC MANAKALA ADA YANG MEMASANG SEPANDUK MENYATAKAN SOKONGAN KEPADA TIMBALAN PRESIDEN ANC ITU.

PAPAN BESAR DI HADAPAN PENTAS BERTULIS +MAHATHIR DAN MANDELA PEJUANG PERSAMAAN KAUM+.

YANG TURUT HADIR IALAH TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK GHAFAR BABA, ANGGOTA KABINET DAN TIMBALAN MEREKA SERTA BEBERAPA MENTERI BESAR. UPACARA ITU DISIARKAN SECARA LANGSUNG OLEH RTM. -- BERNAMA.
2028MST 02 11 90